

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[SUNGAI PETANI]**

**SOALAN :**

**Dato' Johari bin Abdul** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat meminta TNB menurunkan tarif elektrik, memandangkan kenaikan terakhir tarif elektrik sebanyak 15 peratus kerana alasannya harga bahan api meningkat, tetapi kini harga bahan api telah turun menjunam.

5. Susulan daripada senario ini, terdapat penjimatan ICPT sebanyak RM726.99 juta. Oleh itu, Kerajaan telah memutuskan untuk melepaskan penjimatan tersebut kepada pengguna-pengguna di Semenanjung. Ini diterjemahkan dalam bentuk rebat bil elektrik sebanyak 2.25 sen/kWj bagi tempoh 1 Mac 2015 hingga 30 Jun 2015.

6. Mekanisme ICPT masih belum diimplementasikan di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Namun demikian, selaras dengan penurunan harga minyak mentah dunia, terdapat penjimatan dalam perbelanjaan bagi bahan api. Untuk mengurangkan beban rakyat, pihak Kerajaan telah bersetuju agar purata kadar tarif 34.52 sen/kWj diturunkan sebanyak 1.20 sen/kWj bagi Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi tempoh 1 Mac hingga 30 Jun 2015.

\*\*\*\*\*